

JPS selenggara kolam takungan elak bau busuk

KUALA LUMPUR 5 Ogos - Penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Anggerik, Jalan Klang Lama di sini boleh menarik nafas lega apabila kolam takungan banjir yang didakwa berbau busuk di kawasan itu kini mula diselenggara.

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memaklumkan, kerja-kerja penyelenggaraan telah dilaksanakan oleh pihak JPS bagi memastikan kolam itu bersih.

“Kerja-kerja tersebut telah 50 peratus siap dijalankan dan selepas ini akan dilaksanakan sebanyak dua kali dalam sebulan hingga akhir tahun ini.

“Pihak JPS juga sedang melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan dan meningkatkan oksigen dalam air serta kualiti air sekali gus mengurangkan bau,” menurut kenyataan tersebut di sini, baru-baru ini.

Katanya, pihak JPS juga melaksanakan kerja-kerja mencantas semak-samun, pemotongan rumput dan membersihkan sampah di kolam tersebut.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* menyiarkan laporan berhubung penghuni PPR Seri Anggerik dan kawasan sekitar terpaksa menanggung derita apabila terpaksa menghidu bau busuk sejak lebih lima tahun akibat sebuah kolam takungan banjir yang gagal diselenggara pihak bertanggungjawab.

Disebabkan itu juga, pelbagai masalah timbul termasuk kawasan itu menjadi tempat pembiakan nyamuk sekali gus mendatangkan bahaya kepada kesihatan penduduk.

Selain berbau busuk dan dicekuri sampah sarap, persekitaran kawasan kolam itu juga didapati tidak terurus serta ditumbuhi semak-samun.